

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3	PM CADANG KERJASAMA SWASTA, GLC PERKASAKAN TVET	2 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
4-5	TAJAJAN PENGAJIAN PERCUMA DI UNIVERSITI MAMPU UBAH NASIB KELUARGA MISKIN	2 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
6	MENU RAHMAH DI UNIVERSITI DALAM MASA TERDEKAT—MOHAMED KHALID	3 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
7	850,000 REMAJA SERTAI PROGRAM PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN	10 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
8-10	PEMERKASAAN TVET CARA MADANI HAPUS PERSEPSI KELAS KEDUA	10 FEBRUARI 2023	BERITA HARIAN ONLINE
11-12	KKDW TEKAD PASTIKAN TIADA KECICIRAN DALAM KALANGAN LEPASAN SPM—AHMAD ZAHID	11 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
13-14	MAHASISWA, PELAJAR BEBAS BERI PANDANGAN, TEGUR KERAJAAN - PM	11 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
15-18	PELAJAR LEPASAN VOKASIONAL MUDAH DAPAT KERJA	13 FEBRUARI 2023	BERITA HARIAN ONLINE
19-20	KANAK-KANAK, REMAJA BERISIKO TINGGI ALAMAI MASALAH KESIHATAN MENTAL-DR ZALIHA	19 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
21	LEBIH 600 CEF SERTAI PERTANDINGAN KULINARI MALAYSIA	21 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
22-25	TEKNOLOGI AI PEMUDAH PROSES PEMBELAJARAN, CETUS KREATIVITI PELAJAR	22 FEBRUARI 2023	BERITA HARIAN ONLINE
26-27	PENGGIAT INDUSTRI BANTU BANGUNKAN TVET	23 FEBRUARI 2023	BERITA HARIAN ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
28-29	KERAJAAN HASRAT CONTOHI MODEL PSDC BAGI PERKASA TVET—PM ANWAR	24 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
30-31	KPT KAJI HASIL SISTEM ANJAL BELAJAR DARI RUMAH BANTU KURANGKAN PINJAMAN PELAJAR IPTA	25 FEBRUARI 2023	BERNAMA ONLINE
32-33	STRUKTUR SEMULA TVET ELAK PEMBAZIRAN SUMBER	26 FEBRUARI 2023	BERITA HARIAN ONLINE
34-35	TVET PERLU GABUNGAN ILMU KEUSAHAWANAN LAHIRKAN GENERASI MUDA PRODUKTIF	27 FEBRUARI 2013	BERNAMA ONLINE

# BERNAMA

2 FEBRUARI 2023

BERNAMA.COM | PM CADANG KERJASAMA SWASTA, GLC PERKASAKAN TVET

## PM cadang kerjasama swasta, GLC perkasakan TVET



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra hari ini. Turut sama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (kiri) dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

02/02/2023 03:47 PM

PUTRAJAYA, 2 Feb (Bernama) – Dalam usaha memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan penglibatan serta kerjasama pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diperhebatkan.

Beliau berkata ia adalah penting untuk memenuhi keperluan industri serta menyelesaikan sebahagian masalah seperti *mismatch* (salah padan) atau latihan yang tidak diperlukan oleh industri serta kemudahan yang tidak memuaskan.

"Saya mengusulkan supaya ada langkah segera, kita ada kajian dan jawatankuasa untuk memastikan anak-anak dilatih dan mendapat pekerjaan dengan pendapatan yang munasabah," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini hari ini.

Anwar mencadangkan syarikat swasta atau GLC mengambil alih institusi TVET atau institut latihan contohnya di Pengerang, Johor boleh diambil alih oleh Petronas untuk melatih, mengurus dan menggunakan kepakaran yang memenuhi keperluan Petronas, DRB-Hicom di Pekan, Pahang dalam bidang automobil manakala kumpulan Sunway dan Berjaya untuk latihan perhotelan, pelancongan dan perkhidmatan umum.

Selain itu, kelompok daripada syarikat perniagaan yang dimiliki Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary juga boleh mengambil sebahagian TVET atau institut latihan, katanya.

Anwar berkata jawatankuasa Kabinet berkaitan TVET akan mengambil langkah-langkah tambahan termasuk mengenal pasti syarikat swasta yang boleh membantu usaha kerajaan.



"Ini satu keputusan yang besar dan kita minta tindakan diambil segera dan selainnya kita akan jelaskan dalam belanjawan (semakan semula Belanjawan 2023) pada 24 Feb ini," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Menurutnya, peruntukan TVET mengikut belanjawan tahun lepas adalah RM6.7 bilion merangkumi pelbagai kementerian, jabatan dan agensi serta 500 institut kemahiran latihan awam dengan pelatih atau pelajar sekitar 250,000 orang.

Beliau berkata usaha memperkasakan TVET juga melibatkan pelbagai kementerian dan jabatan antaranya Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan GIATMARA.

-- BERNAMA

# BERNAMA

2 FEBRUARI 2023

BERNAMA.COM | TAJAAN PENGAJIAN PERCUMA DI UNIVERSITI MAMPU UBAH NASIB KELUARGA MISKIN

Español தமிழ்

BERNAMA.com

## Tajaan pengajian percuma di universiti mampu ubah nasib keluarga miskin



Gambar fail



02/02/2023 12:59 PM

Oleh Siti Alya Nadiah Ismail dan Nur Afiradina Arshad

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) – Penajaan pengajian percuma kepada pelajar generasi pertama keluarga miskin yang berjaya memasuki universiti seperti dicadangkan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dilihat mampu mengubah nasib golongan berkenaan.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Dr Anuar Ahmad berkata keberhasilan program seperti itu boleh dilihat pada tahun 70-an apabila kerajaan berjaya membantu golongan itu melalui beberapa program seperti asrama, biasiswa dan pinjaman.

c Español தமிழ்

BERNAMA.com

“Pada tahun 70-an program-program sebegini mampu membuka peluang yang luas kepada anak-anak golongan ini. Ramai daripada mereka (yang telah dibantu) cemerlang dalam pendidikan dan telah mengubah nasib mereka dengan menjadi kumpulan profesional mempunyai pendapatan yang lebih baik.

“Dasar ini sekiranya berjaya dibentang dan dilaksanakan sudah pasti memberi impak yang besar bukan sahaja kepada golongan tersebut malah kepada negara juga dalam merapatkan jurang kemiskinan di negara ini,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Mengulas lanjut, beliau berkata dalam melaksanakan dasar ini, kerajaan perlu memastikan definisi golongan miskin mana yang perlu ditaja kerana terdapat bermacam-macam bentuk dan kategori kemiskinan di negara ini.



“Perlu penelitian daripada KPT (Kementerian Pendidikan Tinggi) kerana kita tidak mahu pelaksanaan dasar ini kelak akan membuka ruang kritikan kepada penganjuran program ini.

“Diharap KPT mempunyai garis panduan yang jelas bagaimana pelaksanaan penajaan ini dan mesti ada definisi, kerangka serta penjelasan bagi mereka yang layak dalam proses pemilihan dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin berkata dengan penawaran program tersebut, pembentukan modal insan dalam kalangan golongan miskin dan B40 akan dapat direalisasikan secara menyeluruh.

Beliau berkata program itu akan memberi ruang kepada pelajar terlibat untuk akses kepada pendidikan dan pengetahuan yang melaluinya akan mengeluarkan golongan itu dan keluarga mereka daripada kepompong kemiskinan.

“Penawaran program ini sudah semestinya akan membantu terutamanya keluarga miskin dan B40 agar mendapat peluang pendidikan yang sama seperti golongan masyarakat yang lain di Malaysia.

“Dengan mengambil kira kemampuan kewangan negara, program ini dilihat mampu dilaksanakan dengan sekurang-kurangnya memberikan bantuan pembiayaan yuran pendidikan secara percuma bagi golongan ini,” katanya.

Bagaimanapun, ia bergantung kepada jumlah keseluruhan penerima dan implikasi kewangan negara yang akan terlibat, katanya.

Beliau berkata program itu merupakan rentetan daripada pengenalan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) sebelum ini yang kedua-dua program berkenaan mempunyai ciri persamaan yang tertumpu kepada keluarga miskin atau B40.

Ditanya adakah ini merupakan langkah awal untuk menyediakan pengajian percuma untuk rakyat Malaysia, beliau berkata rakyat perlu realistik kerana pelaksanaan pengajian percuma secara keseluruhan akan menyebabkan implikasi kewangan yang besar kepada negara.

Pada 30 Jan lepas, Mohamed Khaled mengumumkan akan memperkenalkan program penajaan pengajian percuma kepada pelajar generasi pertama keluarga miskin yang berjaya memasuki universiti dan mekanisme dan dasar tersebut akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk disokong dan dijadikan dasar berterusan kerajaan.

– BERNAMA

# BERNAMA

3 FEBRUARI 2023

BERNAMA.COM | MENU RAHMAH DI UNIVERSITI DALAM MASA TERDEKAT—MOHAMED KHALID

Español தமிழ்

BERNAMA.com

## Menu Rahmah di universiti dalam masa terdekat - Mohamed Khaled



03/02/2023 03:17 PM

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan melaksanakan Program Menu Rahmah di institusi pengajian tinggi dalam masa terdekat, kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata pihak KPT sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk melaksanakan program berkenaan.

"KPT dengan KPDN sedang berbincang mengenai perkara ini, saya rasa (terutama) universiti dalam KPT tiada masalah untuk menempatkan atau menyediakan ruang bagi menjayakan program ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan prapelancongan Universiti UCSI Kampus Cawangan Antarabangsa di Bangladesh, di sini hari ini.

Selasa lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata orang ramai kini boleh menikmati makanan tengah hari dan malam masing-masing pada harga RM5 di hampir 15,000 premis makanan di seluruh negara melalui Program Menu Rahmah.

Sementara itu, ditanya sama ada KPT akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk menyediakan tempat tinggal kepada pelajar bagi menjaga kebajikan, beliau berkata KPT dan Kementerian Kewangan sedang mencari langkah kreatif serta inovatif untuk membiayai penyediaan asrama dalam kampus.

"KPT sentiasa berusaha untuk menambah ruang bagi pelajar duduk di dalam (kawasan) kampus supaya dapat tinggal di asrama...tapi ia makan masa, lebih-lebih dalam keadaan ekonomi dan kedudukan kewangan yang tidak begitu kukuh bagi kerajaan. Namun Kementerian Kewangan dan KPT memahami masalah ini," katanya.

Mengulas mengenai majlis prapelancongan, Mohamed Khaled berkata penubuhan kampus Universiti UCSI di Bangladesh adalah bersesuaian dengan rancangan pengantarabangsaan yang diketengahkan oleh KPT.

"Universiti UCSI Kampus Bangladesh akan mengangkat status Malaysia sebagai hab pendidikan global dan inisiatif pascapandemik dan UCSI wajar dipuji. Saya galakkan lebih banyak pihak swasta yang mengikut jejak sama," katanya.

UCSI Kampus Bangladesh yang berpangkalan di ibu kota Dhaka akan mula beroperasi pada Mei tahun ini dengan menawarkan 24 program ijazah dan sarjana dalam bidang perniagaan, sains komputer, kejuruteraan, seni bina, sains sosial dan reka bentuk.

Kampus itu dijangka memiliki sekitar 5,000 pelajar dalam tempoh tujuh tahun.

-- BERNAMA

# BERNAMA

10 FEBRUARI 2023

**BERNAMA.COM | 850,000 REMAJA SERTA PROGRAM PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

PUTRAJAYA, 10 Feb (Bernama) -- Kira-kira 850,000 remaja di seluruh negara telah mengambil bahagian dalam program pendidikan dan pembangunan kemahiran (PPK) kendalian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta mendapat manfaatnya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata PPK dilaksanakan di Pusat Remaja KafeTEEN, Kelab KafeTEEN Sekolah, mobile KafeTEEN serta melalui program outreach.

Daripada jumlah itu, hampir 38,000 remaja telah mendapat manfaat melalui perkhidmatan kesihatan reproduktif dan kira-kira 20,000 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling sosial di Pusat Remaja KafeTEEN.

"Sudah 17 tahun sejak 2006, KafeTEEN ini telah mula dilaksanakan dan saya yakin begitu ramai anak remaja telah mendapat manfaat daripada program ini," katanya kepada media selepas majlis penyerahan Trak KafeTEEN Outreach di sini hari ini.

Pada masa ini, terdapat 18 Pusat Remaja KafeTEEN, iaitu pusat aktiviti untuk remaja melakukan aktiviti sihat dan bermanfaat, dengan lapan daripadanya berada di premis LPPKN, lapan di Pusat Transformasi Bandar dan dua dikenali sebagai Pusat Transit KafeTEEN.

Mengenai Trak KafeTEEN Outreach, Nancy berkata ia merupakan perkhidmatan bergerak KafeTEEN yang menumpukan kawasan yang bersesuaian seperti di luar bandar.

"Trak KafeTEEN Outreach menyediakan perkhidmatan secara turun padang bagi remaja melakukan aktiviti-aktiviti sihat dan bermanfaat untuk kebaikan diri mereka," katanya sasaran capaian program itu untuk tahun ini adalah seramai 6,000 remaja dari seluruh negara.

Pada majlis itu, Nancy turut memperkenalkan hashtag #AmbilTahuBagiTahu di bawah kempen "Jangan Malu Ambil Tahu, Jangan Malu Bagi Tahu", yang bertujuan memupuk daya tahan diri dan meningkatkan jati diri remaja termasuk dalam menjaga batas pergaulan.

Beliau berkata kempen itu bertujuan memupuk jati diri remaja melalui penghayatan nilai 'KASIH' iaitu kasih sayang; akhlak; sihat dan selamat; berilmu; dan harmoni bagi mengelakkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti tidak bermoral.



Trak KafeTeen Outreach merupakan tambahan kepada sejumlah 18 buah Pusat Remaja KafeTeen sedia ada di seluruh negara. Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri telah menyempurnakan pada Majlis Penyerahan Trak KafeTeen Outreach di Kompleks Kejiranan Presint 16 hari ini.



10/02/2023 03:33 PM

# BERITA HARIAN

10 FEBRUARI 2023

BHRENCANA | PEMERKASAAN TVET CARA MADANI HAPUS PERSEPSI KELAS KEDUA

## Pemeriksaan TVET cara madani hapus persepsi kelas kedua

Oleh Kamarul Aini Hassan Basri - Februari 10, 2023 @ 3:17pm  
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Dalam kehairahan mencerakin konsep Malaysia MADANI, wacana mengenai dilihat banyak menyentuh perbincangan bersifat umum. Kupasan konsep 'madani' lebih terarah kepada bagaimana ia wujud serta apa boleh difahami secara falsafah.

Perbincangan sebegini lebih cenderung melihat konsep MADANI dari perspektif prinsip dan nilai. Lazimnya ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu etika dan estetika. Etika ialah persoalan moral dan nilai peribadi, manakala estetika ialah pemeriksaan apa yang indah, menyeronokkan atau menarik perhatian.



Justeru, dalam kepelbagaian wacana unsur Masyarakat Madani yang maju dan mandiri, aspek pendidikan sering tercicir daripada kerangka perbincangan sedangkan prasyarat ke arah itu bermula dengan penyediaan sistem pendidikan baik dan berkesan.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan cadangan mewujudkan kerjasama dengan swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk melatih generasi muda di bawah peruntukkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), ia satu langkah tepat dan bijak.

Secara umum, cadangan ini membabitkan penggiat industri dalam mengurus latihan TVET dan seterusnya menyediakan pelajar memasuki alam pekerjaan dengan pendapatan munasabah disamping keperluan untuk memenuhi tuntutan modal insan berkemahiran tinggi.

Ia sekali gus memberi makna pengisian konsep Malaysia MADANI dalam memastikan konsep itu sebagai kerangka penggerak ke hadapan dan memacu pembangunan negara.

#### **Kurangkan kadar pengangguran belia**

Di satu sudut, peranan TVET terletak kepada penjanaan pekerjaan dalam pasaran buruh, selain penting menggalakkan budaya bekerja sendiri ketika peluang pekerjaan semakin sengit dan terhad.

Justeru, sistem TVET yang dirangka perlu memberikan tumpuan kuat terhadap keperluan pasaran buruh semasa di samping mengurangkan kadar pengangguran belia negara.

Persoalannya bagaimana mahu memastikan pemerksaan TVET dicadangkan Perdana Menteri mampu memenuhi matlamatnya. Empat ciri berikut perlu dilihat sebagai asas kepada keberkesanannya.

Pertama, kerjasama erat di antara kerajaan, institusi awam, GLC dan syarikat swasta dalam merangka kurikulum dan input bahan pembelajaran, bermula dari peringkat rendah, menengah sehingga tertinggi.

Kedua, menekankan pengajaran bersifat amali dan praktikal menerusi teknologi terkini serta menggalakkan inovasi. Ketiga, perluasan peluang perantisan dan latihan peningkatan kemahiran kepada mereka yang berkelayakan.

Terakhir, mewujudkan suatu akta khusus bagi memastikan pelaksanaan TVET tidak bercelaru dengan terlalu banyak agensi dan kementerian terbabit di samping keperluan untuk melindungi graduan lulusan TVET dari aspek jaminan pekerjaan.

Akta berkenaan perlu memperuntukkan kepada penggiat industri mengutamakan pengambilan graduan TVET berbanding pekerja asing mengikut nisbah tertentu bagi memastikan mereka terbabit sama dalam pembangunan modal insan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada graduan TVET.

Selain itu, TVET negara juga perlu menekankan aspek berdaya saing mampan melalui pemupukan budaya menggalakkan daya tahan dan kecemerlangan. Kedua, mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat baharu menekankan peningkatan kemahiran berterusan. Ketiga, membentuk ekosistem dan landskap pembelajaran lestari dan terkini di setiap peringkat.

Ekosistem TVET lengkap perlu diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan sistem TVET tidak lagi dianggap sebagai pendidikan kelas kedua dalam masyarakat. Negara maju seperti Jerman, Amerika Syarikat (AS) dan Singapura menjadikan TVET nadi dan kunci pembangunan kemahiran tenaga kerja berprestasi dan berpendapatan tinggi.

Ia membolehkan individu mencari pekerjaan berkaitan kemahiran atau memulakan pekerjaan sendiri. Justeru, TVET perlu menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negara seterusnya melalui pembangunan tenaga kerja dan peningkatan kadar pekerjaan.

**Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Pengambilan Pelajar, Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

# BERNAMA

11 FEBRUARI 2023

BERNAMA.COM | KKDW TEKAD PASTIKAN TIADA KECICIRAN DALAM KALANGAN LEPASAN SPM—AHMAD ZAHID

## KKDW tekad pastikan tiada Keciciran dalam kalangan lepasan SPM - Ahmad Zahid

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bertekad untuk memastikan tidak berlaku keciciran dalam kalangan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), terutama masyarakat luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab KKDW untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

“Kita (KKDW) perlu pastikan tiada sesiapa yang ‘tercicir’ (dalam pendidikan),” katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen ke-19 Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di Pusat Dagangan Dunia di sini, hari ini.

Katanya beliau juga mahukan supaya pelajar institusi di bawah kementerian berkenaan khususnya dalam bidang berkaitan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), diberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

“Jangan ada prasangka bahawa mereka dianggap *drop out* atau tercicir dalam bidang akademik dan masuk ke bidang TVET ini, tiada peluang dan masa depan. UniKL telah membuktikan bahawa mereka adalah aset negara dan mampu untuk cemerlang,” katanya.



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyampaikan ucapan pada Majlis Konvokesyen ke-19 Universiti Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia.



11/02/2023 03:44 PM

Ahmad Zahid berkata pada masa ini, 280 alumni UniKL dari 2016 hingga tahun lepas bekerja di 24 negara, sekali gus membuktikan graduan UniKL diiktiraf dunia serta menyumbang kepada usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi daripada bidang TVET.

Pada Majlis Konvokesyen ke-19 UniKL yang bermula hari ini hingga 14 Feb, beliau yang juga Pro Canselor UniKL menyampaikan ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda, diploma dan sijil serta anugerah pelajar terbaik kepada beberapa graduan bagi tahun 2022.

Majlis konvokesyen UniKL kali ini meraikan 5,834 graduan yang antaranya merangkumi 23 graduan ijazah doktor falsafah, 151 graduan ijazah sarjana, 4,299 graduan ijazah sarjana muda dan 1,360 graduan diploma.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang, Ketua Setiausaha KKDW Datuk Seri Ramlan Harun dan Presiden UniKL Datuk Dr Roziah Omar.

Sementara itu ketika ditemui pemberita, Ahmad Zahid berkata pihaknya menyasarkan kebolehpasaran graduan UniKL tahun 2022 mencapai lebih 98 peratus pada tahun ini.

"Tahun lepas kita dapati (kebolehpasaran graduan UniKL) adalah 97.1 peratus dan tahun 2020, 96.1 peratus," kata beliau.

Menurutnya kebolehpasaran UniKL melebihi 90 peratus kerana ia menawarkan pelbagai kursus berkaitan TVET memandangkan kebanyakan pasaran kini memerlukan tenaga yang mendapat latihan kemahiran dalam bidang berkenaan.

-- BERNAMA

# BERNAMA

11 FEBRUARI 2023

BERNAMA.COM | MAHASISWA, PELAJAR BEBAS BERI PANDANGAN, TEGUR KERAJAAN - PM

## Mahasiswa, pelajar bebas beri pandangan, tegur kerajaan - PM



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) menyaksikan penyerahan replika cek daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sterling Management Group, Dr Yacub Mirza (dua, kanan) kepada Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak (dua, kiri) pada majlis penyerahan sumbangan untuk Tabung Pelajar Antarabangsa AbuSulayman (AISF) UIAM di Dewan Utama, Wadi Budi UIAM Kampus Gombak hari ini. Turut hadir Ketua Pengarah Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Husaini Omar (kanan) dan Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan UIAM, Naaimah Ahmad Radzi (kiri). – fotoBERNAMA (2023) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Mahasiswa dan pelajar di negara ini bebas untuk menyuarakan pandangan mereka termasuk memberi kritikan dan menegur kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata ini bagi memastikan golongan itu memiliki pemikiran kritikal selain mewujudkan suasana universiti yang lebih segar.

Beliau berkata perkara itu juga telah disampaikan kepada Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

"Mereka juga sudah buka ruang terutama Kementerian Pendidikan Tinggi supaya universiti lebih segar dalam membolehkan sesuatu pandangan itu diberikan melainkan hal-hal yang mencerca, (bersifat) perkauman atau fahaman agama yang melampau.

"Selain itu, (mereka) diberi kebebasan termasuk (menyuarakan) teguran atau kritikan terhadap Perdana Menteri iaitu kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan sumbangan Tabung Pelajar Antarabangsa AbuSulayman (AISF) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini hari ini.



11/02/2023 05:55 PM

Sementara itu, Anwar dalam ucapannya berkata institusi pendidikan di Malaysia harus meninggalkan kaedah lama dan sudah ketinggalan zaman yang menyaksikan para pelajar disekat daripada menggunakan hak mereka untuk menjadi kritikal.

Beliau berkata sekolah dan universiti perlu membenarkan kritikan berdasarkan fakta dan alasan yang munasabah bagi memupuk kreativiti serta pemikiran dalam kalangan pelajar.

"Bagaimanapun, perkara itu perlu dilakukan dengan syarat mereka tidak ambil mudah sebarang isu, kritikan perlu dilakukan melalui wacana berdasarkan logik... Ini bermakna anda perlu memiliki pemahaman, anda perlu belajar dan melihat kritikan lain sebelum melontarkan kritikan anda," katanya.

Pada majlis itu, Anwar yang juga bekas Presiden UIAM menyaksikan penyerahan sumbangan dana tambahan untuk AISF UIAM daripada keluarga bekas Rektor Kedua UIAM Allahyarham Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Hamid Abu Sulayman.

Turut hadir Rektor UIAM Profesor Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Sterling Management Group Dr Yaqub Mirza.

Sumbangan bernilai US\$300,000 diserahkan kepada Dzulkifli bagi membantu pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan dalam bentuk wang sara hidup.

-- BERNAMA

# BERITA HARIAN

13 FEBRUARI 2023

BHONLINE | PELAJAR LEPASAN VOKASIONAL MUDAH DAPAT KERJA

## Pelajar lepasan vokasional mudah dapat kerja

Februari 13, 2023 @ 9:30am



Program TVET dianggap sebagai instrumen paling efektif dalam memenuhi permintaan global. - Foto hiasan

Globalisasi antara topik kritikal dalam perbincangan dan kebimbangan sejak kebelakangan ini.

Dengan kesannya terhadap kehidupan, sudah tentu kita harus melakukan penambahbaikan yang besar melalui pelaksanaan program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Program ini dianggap sebagai instrumen yang paling efektif dalam memenuhi permintaan global serta menjadi pencabar di pentas saingan global.

Dalam kehidupan masa kini, kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi sentiasa berubah dengan kadar yang pantas.

Sebagai jawapan kepada keperluan trend ekonomi dan sasaran terkini, perancangan pendidikan juga hendaklah bergerak ke arah pembentukan pengajaran serta penyampaian kandungan.

Beberapa tahun lalu, kursus vokasional dilihat sebagai pilihan kepada pelajar yang tidak memiliki kebolehan untuk belajar di kolej dan seterusnya, kemahiran tertentu yang diperlukan, untuk mendapatkan pekerjaan.

---

Senario ini mula menampakkan perubahan pada masa kini. Orang ramai mula sedar bahawa kepentingan dan memilih untuk mengambil kursus ini, sama ada secara atas talian atau luar talian, bagi mendapatkan kemahiran berkaitan dengan bidang tertentu agar prospek kerjaya mereka menjadi lebih baik.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, berkata beberapa kursus di bawah program ini mungkin tidak lagi relevan kepada anak muda memandangkan mereka kini cenderung ke arah waktu kerja fleksibel atau menceburkan diri dalam ekonomi gig.

Saya bersetuju dengan kenyataan beliau kerana kini ramai anak muda berada di jalan raya memandu motosikal sebagai penghantar makanan.

Menteri juga merujuk kepada kepentingan program TVET dalam menangani pengangguran, berdasarkan statistik yang menunjukkan penurunan kadar

pengangguran ke tujuh peratus berbanding 7.4 peratus pada Oktober 2022.



**Persediaan untuk pekerjaan**

Pendidikan vokasional mempersiapkan individu untuk kerja tertentu. Seseorang akan mendapat kemahiran dan kualiti diperlukan dalam menjalankan tugasnya, seperti rekaan fesyen, hiasan dalaman, perangkaian komputer, pembaikan auto dan lain-lain.

Lazimnya, kurikulum untuk kursus seperti ini disediakan selepas menerima cadangan daripada majikan tempatan.

Selain pengajaran dalam darjah, pengetahuan amali juga dikendalikan di lapangan. Pembelajaran makmal ditumpukan bagi memberikan pengetahuan amali kepada pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran.

Ini mempersiapkan mereka untuk tugas hakiki serta boleh berlaku adil terhadap kerjaya mereka berdasarkan pengetahuan yang luas.

**Mudah mendapat pekerjaan**

Pendidikan vokasional memudahkan pelajar untuk mencari pekerjaan.

Secara amnya, majikan cenderung mengambil pelajar yang menjalani kursus vokasional kerana latihan khusus dipelajari mereka, berbanding lepasan kolej.

Pelajar ini memiliki kemahiran, kualiti, pendidikan dan kesabaran yang bagus untuk sesuatu pekerjaan.

Dengan pengetahuan yang dimiliki, adalah menjadi satu kelebihan bagi pelajar vokasional untuk mendapatkan pekerjaan.

**Kejayaan kerjaya**

Golongan bekerja dan ingin mendapatkan pendidikan lanjutan untuk kemajuan kerjaya mereka tidak berupaya mengambil cuti belajar yang lama hanya untuk mendapatkan ijazah kolej.

Oleh itu, kursus vokasional ialah satu alternatif untuk meningkatkan kemahiran dan kelayakan. Kursus ini tidak mengambil masa lama, tetapi kemahiran dan kualiti diterapkan boleh dibandingkan dengan kursus di kolej.

Melaluinya, pekerja boleh meningkatkan prospek kerjaya mereka dan mencapai kejayaan.

**Mempromosikan keusahawanan**

Selepas menjalani kursus vokasional, individu memiliki kemahiran mencukupi untuk memulakan perniagaan sendiri.

Ramai lepasan vokasional mengambil langkah ini kerana salah satu kursus yang diikuti adalah keusahawanan yang amat sesuai memandang keadaan ekonomi hari ini.

Dalam kemelesetan ekonomi sekarang, ramai orang kehilangan pekerjaan. Maka, kursus vokasional meningkatkan kadar perniagaan kecil, sekali gus meningkatkan pekerjaan, seterusnya mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan pekerjaan kepada penganggur.

Bagaimanapun, sebelum memilih untuk mengikuti kursus vokasional, pelajar harus memastikan institut pilihan mereka hendaklah memiliki reputasi bagus dari segi kualiti pendidikan dan kebolehpasaran.

Selepas itu, masa dan kos untuk kursus tertentu hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya. Ini kerana pendidikan vokasional menyediakan kemahiran khusus untuk sesuatu pekerjaan dan menyumbang ke arah kejayaan dalam kerjaya.

Dalam dunia hari ini, ilmu pengetahuan yang khusus amat penting dan ini membuktikan pendidikan vokasional memiliki kebaikan seperti pendidikan di kolej!

Penulis adalah Pengarah Program di Akademi Kemajuan Pengurusan Asia, Dr Vizayer Raj

# BERNAMA

19 FEBRUARI 2023

BERNAMA.COM | KANAK-KANAK, REMAJA BERISIKO TINGGI ALAMI MASALAH KESIHATAN MENTAL-DR ZALIHA

## Kanak-kanak, remaja berisiko tinggi alami masalah kesihatan mental - Dr Zaliha



Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa



19/02/2023 09:09 PM

JOHOR BAHRU, 19 Feb (Bernama) – Kanak-kanak dan remaja dikenal pasti antara golongan berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental namun isu berkenaan dilihat masih kurang diberi perhatian.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata hal itu kerana transisi fasa kanak-kanak ke alam dewasa adalah fasa paling kritikal dalam proses perubahan fizikal, kematangan kognitif dan pengurusan emosi sekali gus menyaksikan mereka cenderung untuk rasa keliru dan tersisih apabila tidak dapat menyesuaikan diri dengan baik dalam jaringan sosial.

"Berdasarkan pemerhatian klinikal, kebanyakan pesakit remaja yang hadir ke klinik telah mula mencederakan diri bagi melepaskan tekanan perasaan yang mereka alami.

"Tindakan ini akan menyebabkan mereka rasa malu, menyusahkan dan tidak kompeten. Mereka terperangkap dalam masalah sendiri dan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menyelesaikan masalah tersebut," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Wad Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja di Kompleks Iris Hospital Permai di sini hari ini.

Beliau berkata persepsi ramai bahawa masalah kesihatan mental hanya berlaku kepada orang dewasa sahaja turut menyebabkan isu melibatkan kesihatan mental kanak-kanak kurang diberi perhatian.

"Sebelum pandemik COVID-19, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 10 hingga 20 peratus kanak-kanak dan remaja seluruh dunia mengalami masalah kesihatan mental manakala 50 peratus masalah kesihatan mental yang serius bermula pada umur 14 tahun," kata Dr Zaliha.

Ahli Parlimen Sekijang itu turut mengambil contoh tragedi gempa bumi yang melanda bahagian tengah dan selatan Turkiye dan utara Syria baru-baru ini turut membimbangkan kerana dilihat boleh memberi kesan utama iaitu trauma psikologi kepada kanak-kanak terutama mereka yang kehilangan ibu bapa dan ahli keluarga.

Beliau berkata berdasarkan kajian, trauma yang dialami oleh seseorang boleh memberi kesan kepada genetik dan kemudian boleh diturunkan kepada generasi seterusnya dalam keluarga.

"Oleh itu, saya merayu kepada semua, terutama ibu bapa supaya lebih peka dengan faktor-faktor yang boleh memberi trauma kepada golongan kanak-kanak.

"Semua pihak haruslah membantu dalam menyediakan persekitaran yang harmoni dan sihat demi tumbesaran emosi kanak-kanak dan remaja seperti mendalami ilmu keibubapaan," katanya.

Selain itu, anggota kesihatan katanya, sangat digalakkan untuk mempersiapkan diri dengan ilmu Bantuan Asas Psikologi dalam membantu negara jika berlaku tragedi yang boleh memberi kesan langsung kepada kanak-kanak dan remaja.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata wad psikiatri di Kompleks Iris Hospital Permai mula beroperasi sepenuhnya untuk pesakit kanak-kanak dan remaja sejak bulan lepas, yang merupakan perkhidmatan pertama seumpamanya di Malaysia.

-- BERNAMA

# BERNAMA

21 FEBRUARI 2023

BERNAMA.COM | LEBIH 600 CEF SERTA PERTANDINGAN KULINARI MALAYSIA

## Lebih 600 cef sertai Pertandingan Kulinari M'sia



KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) – Lebih 600 cef tempatan dan antarabangsa menyertai Malaysia Culinary World Cup 2023 dalam cubaan meraih pengiktirafan daripada Guinness World Records sebagai pertandingan memasak secara serentak terbesar.

Acara yang berlangsung tiga hari bermula hari ini di Pusat Dagangan Dunia itu, turut menampilkan cef daripada pelbagai latar belakang termasuk kolej, suri rumah dan pertubuhan bukan kerajaan yang mempamerkan bakat dan kreativiti masakan masing-masing.

Pengerusi dan Presiden Persatuan Kulinari Malaysia Bersatu Cef Arthur Lim berkata pertandingan masakan itu menampilkan sembilan kategori utama dan 62 subkategori dengan 40 daripadanya melibatkan masakan tempatan.

"Kategori ini termasuk 'Patisserie', Gastronomi Malaysia (21 hidangan Malaysia termasuk nasi lemak, nasi ayam, laksa, burger Malaysia, ulam, ikan sungai Malaysia), Masakan India, Masakan Cina, Masakan Panas Moden, Masakan Berasaskan Tumbuhan atau Vegetarian, 'Showmanship' (seperti teh tarik dan roti canai), Masakan Jepun, Masakan Artistik dan Cabaran Kotak Hitam Makanan Warisan Malaysia.

"Kategori ini akan dinilai oleh 92 cef tempatan dan antarabangsa termasuk cef selebriti tempatan, Cef Liza Zainol. Pada akhir pertandingan, Guinness World Records juga akan mengumumkan keputusannya," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Khairul Firdaus Akbar Khan ketika ditemui pada majlis pelancaran pertandingan itu, berkata acara tersebut mampu memperkenalkan makanan tempatan kepada cef antarabangsa dan mempromosikan gastronomi Malaysia dalam peta kulinari dunia.



21/02/2023 07:54 PM

– BERNAMA

# BERITA HARIAN

22 FEBRUARI 2023

BHRENCANA | TEKNOLOGI AI PEMUDAH PROSES PEMBELAJARAN, CETUS KREATIVITI PELAJAR

## Teknologi AI pemudah proses pembelajaran, cetus kreativiti pelajar

Oleh Dr Azlan Muharam - Februari 22, 2023 @ 9:19am

[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



- Gambar hiasan

Ledakan pelbagai teknologi kecerdasan (AI) kini banyak mengubah landskap kehidupan manusia sejagat. Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) membawa bersama AI yang banyak terkait dengan internet kebendaan (IoT), robotik, pengkomputeran kuantum, *blockchain* dan data raya.

Tujuan utama semua teknologi ini dibangunkan adalah untuk memudahkan dan memendekkan masa urusan kerja seharian manusia. Kepsatan teknologi turut meluncurkan AI dengan lebih drastik daripada berfungsi sebagai *in vitro* (kegunaan makmal) ke *in vivo* (kehidupan seharian).

Sedar atau tidak, kita semakin tenggelam dengan sistem AI dalam kehidupan harian terutama enjin carian Siri, Google, berdagang dalam talian, mencari hiburan, mencari lokasi dan peta (*Maps*) dan lain-lain aplikasi digital.

Menurut Celine Herweijer dan Dominic Waughray menerusi World Economic Forum (WEF), AI berupaya digunakan untuk menyesuaikan rancangan pengajaran kepada pelajar mempunyai keperluan pembelajaran berbeza. Selain itu, AI mampu memadankan set kemahiran dan kebolehan individu dengan peluang pekerjaan semasa.

---

Bermakna, bidang pendidikan terutama Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tidak terkecuali daripada menerima tempas ledakan AI ini. AI dilihat sebagai satu *puzzle* melengkapkan gambaran penuh perjalanan kehidupan seorang pelajar. Ia mempunyai impak begitu positif dalam perkembangan potensi diri pelajar.

Secara umumnya terdapat pelbagai perisian AI boleh digunakan untuk membantu memahami subjek dan menyiapkan tugas atau projek dengan lebih berkesan.

Antaranya, ChatGPT untuk mendapatkan maklumat sesuatu perkara, Synthesis lebih menumpukan untuk membuat video dengan pelbagai avatar, Jenni AI fokus bagi penulisan artikel panjang, Tome pula boleh membantu membuat slaid pembentangan lebih interaktif, Murf berupaya menukarkan teks kepada suara atau Dall-E-2 permudah untuk mendapatkan gambar berdasarkan teks.

Jelas sekali, AI adalah alat bantu berkesan dalam memudahkan urusan dan menjimatkan masa. Walaupun dengan pelbagai alat bantu sedia ada, ia masih memerlukan pelajar untuk berfikir dengan lebih kritis, sekali gus menidakkan dakwaan kononnya AI akan 'memandulkan akal manusia' kerana terlalu berharap dengan keupayaan mesin.

Menyedari impak positif AI yang boleh membangunkan intelek dan potensi pelajar, terdapat lima impak positif boleh menterjemahkan konsep Malaysia MADANI dalam konteks pendidikan.

Pertama, AI berupaya mempersembahkan maklumat dan data dengan lebih jelas serta dipercayai. Terdapat pelbagai AI memudahkan persembahan data dalam bentuk grafik seperti Tome dan Dall-E-2.

Walaupun pelajar TVET lebih fokus terhadap kemahiran teknikal bersifat fizikal, ilmu dan kemahiran tambahan ini tidak boleh diketepikan begitu saja dalam menjujoh masa hadapan mencabar.

Permudah interaksi pelajar, pensyarah

Kedua, jika sebelum ini sebarang usaha untuk mendapatkan komen atau maklum balas memerlukan tempoh masa tertentu dan panjang, kini dengan kewujudan AI, ia lebih memudahkan interaksi antara pelajar dan pensyarah memberi komen dan maklum balas.

Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi antara pelajar dan pensyarah, walaupun bersifat maya. Kedua-dua pihak dapat bertukar tukar fikiran berlandaskan paksi ilmu dan hikmah.

Pada masa sama dapat mewujudkan persekitaran kerjasama dan saling mempercayai. Jika di luar waktu kerja, ada alat bantuan tutorial dapat memberi maklum balas seperti Chatbots dan tutors.

Pelajar tidak berada dalam kebuntuan lama untuk mendapatkan penjelasan dan menambah baik kefahaman mereka. Dari sudut pensyarah, ia juga boleh mengenal pasti tahap pemahaman pelajar dan melaksanakan intervensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka .

Ketiga, era penerokaan ilmu kini menjadi lebih terbuka dan mudah. AI berupaya menyediakan akses terhadap ilmu dan kelas secara 24 jam seminggu.

Sebelum ini, kita sering dimomokkan dengan kelemahan pelajar memahami sesuatu perkara atau subjek yang kebanyakan bahan tersedia dalam bahasa Inggeris. Bahasa menjadi cabaran utama untuk pelajar memahami suatu ilmu.

Mutakhir ini, semua suasana ini akan berubah dengan kewujudan AI yang mampu menterjemahkan hampir 200 bahasa di seluruh dunia. AI boleh menukar teks kepada suara atau sebaliknya. Perisian paling dominan digunakan seperti Google Translate, diikuti dengan Bing Microsoft Translator.

Jika dahulu Google menjadi enjin carian utama untuk mendapatkan sebarang maklumat baharu, kini terdapat AI seperti ChatGPT dan JenniAI yang begitu membantu mendapatkan maklumat awal terhadap sesuatu perkara. Pelajar juga dapat merancang masa dan belajar mengikut kadar kefahaman mereka sendiri.

Keempat, pada era digital dengan kemeriahan video bersifat akademik dan santai, trend ini dilihat sebagai sudut positif ke arah kemenjadian pelajar dari aspek kreatif.

Peluang pelajar menghasilkan video kini menjadi dengan lebih mudah, memperkayakan akses digital secara sejagat. Pelajar menggunakan AI untuk menghasilkan kualiti tugas atau video dengan lebih berkesan.

Jika pelajar ingin menyediakan video dengan suara latar lebih profesional dan matang, mereka boleh menggunakan 'Muft AI' yang mampu menukar teks kepada suara. Ini secara tidak langsung menambah kualiti hasil kerja pelajar dan memendekkan masa menyiapkan tugas dan projek.



Terakhir, teknologi AI mampu mempromosikan pembelajaran digital secara maya. Dalam aspek ini, pelajar akan lebih matang dan berdikari dalam menguruskan proses pembelajaran mereka sebelum terjun ke alam pekerjaan sebenar.

Ini kerana mereka hanya dipantau secara minimum, tetapi hubungan antara pensyarah dan kualiti tetap menjadi keutamaan dalam mendidik mereka.

Namun, setiap teknologi dibangunkan pasti mempunyai harga yang perlu dibayar berdasarkan impak positif dan negatif kepada penggunaannya. Kesan nyata negatif yang dapat dilihat adalah berlaku kehancuran kreatif.

Ia akan menyebabkan manusia semakin malas berfikir dan berminda bergantung kepada mesin. Justeru, kepesatan teknologi AI ini menuntut kebijaksanaan manusia dan agensi berkaitan untuk mengawal, memantau dan mengawasi penggunaannya.

AI sekadar alat untuk membantu melicinkan dan menambah baik proses penyampaian ilmu kepada pelajar. Kini terserah kepada pelajar untuk membuat pilihan bagi memilih sumber teknologi yang ada untuk dimanfaatkan dalam proses pembelajaran mereka.

# BERITA HARIAN

23 FEBRUARI 2023

BHONLINE | PENGGIAT INDUSTRI BANTU BANGUNKAN TVET

## Penggiat industri bantu bangunkan TVET

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 23, 2023 @ 1:02pm  
mohd\_iskandar@bh.com.my



SUBANG: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bekerjasama dengan 18 penggiat industri tempatan dan antarabangsa bagi memperkasa bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerjasama terbabit mampu melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor darat, laut dan udara.

"Dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan menerusi program TVET, kita bukan saja menyediakan belia untuk pasaran kerja, tetapi juga modal insan bagi pembangunan dan kemajuan peringkat tempatan serta global.

"Ini kerana TVET mempunyai peranan penting dalam membantu usaha kita menjadi negara maju yang setaraf dengan negara maju lain dan tidak keterlaluan jika dinyatakan, TVET menjadi kunci kepada kemajuan negara pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pertukaran Dokumen Usahasama Di antara Institusi TVET KKDW Bersama Rakan Industri di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Ramlan Harun.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pemerkasaan pendidikan TVET dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran berupaya menjadi faktor menarik pelaburan asing ke Malaysia.

Beliau menjelaskan, usaha itu mampu direalisasikan jika mendapat sokongan penuh daripada pihak industri sekali gus berupaya memastikan kemampanan ekonomi negara berkembang dengan baik.

"Pelabur asing memilih negara ini sebagai destinasi pelaburan kerana dasar kerajaan yang sentiasa menyokong pembangunan industri dan perniagaan, dasar pelaburan yang fleksibel dan relevan, kadar pertumbuhan ekonomi positif dan kemudahan infrastruktur yang baik.

"Sebab itu, saya melihat pendidikan TVET menjadi pemacu utama dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing," katanya.

Terdahulu beliau menyaksikan pertukaran dokumen di antara institusi TVET di bawah KKDW membabitkan GIATMARA, Institut Kemahiran Tinggi PERDA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Universiti Kuala Lumpur dengan 18 syarikat rakan industri.

Syarikat itu antaranya membabitkan German Auto Garage Sdn Bhd, Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS), Acson Malaysia Sales & Service Sdn Bhd, Petronas, Hino Motors Sales (Malaysia) Sdn Bhd, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Hartasuma Sdn Bhd bagi bidang teknologi darat.

Bagi bidang teknologi laut pula ia membabitkan syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd, Vale Malaysia Minerals Sdn Bhd dan Radimax Group Sdn Bhd.

Bagi bidang teknologi udara, kerjasama strategik itu membabitkan Turkish Aerospace Inc, Galaxy Aerospace (M) Sdn Bhd dan Hammock Helicopter Sdn Bhd.


# BERNAMA

24 FEBRUARI 2023

BERNAMAONLINE | KERAJAAN HASRAT CONTOHI MODEL PSDC BAGI PERKASA TVET—PM ANWAR

AM

## Kerajaan hasrat contohi model PSDC bagi perkasa TVET - PM Anwar



Gambar fail

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Kerajaan berhasrat untuk mencontohi model Penang Skills Development Centre (PSDC) bagi pemerkasaan kerjasama awam dan swasta dalam pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata model itu dilihat mampu mengatasi situasi negara yang terperangkap dengan situasi guna tenaga tidak penuh apabila pekerjaan tidak dibayar gaji yang setimpal dengan kelayakan.

"Data menunjukkan 90 peratus graduan TVET memperoleh pekerjaan tetapi 90 peratus mereka meraih gaji rendah hanya sekitar RM2,000 sebulan walhal kerajaan membelanja hingga RM6.7 bilion untuk TVET.

"Ini tidak boleh diterima dan pembaharuan perlu dilaksanakan agar 90 peratus graduan TVET menerima gaji lebih RM2,000," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat hari ini.



24/02/2023 06:37 PM

Beliau berkata model itu adalah suatu kebijakan yang harus dicontohi apabila kerjasama kerajaan Pulau Pinang dengan pemain industri elektrik dan elektronik berjaya menyediakan pekerjaan kepada graduan TVET dengan gaji bermaruah.

"Kerajaan berhasrat untuk mencontohi model ini secara rintis melibatkan institusi TVET Persekutuan dengan sasaran 50 syarikat terutama dalam kalangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC)," kata Anwar.

Beliau berkata syarikat peneraju terlibat akan mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya operasi TVET seperti kolej komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bagi menyediakan program latihan yang memenuhi keperluan syarikat.

"Misalnya, Petronas menerajui kluster minyak dan gas di Pengerang, Kimanis, Batu Rakit dan Miri. DRB Hicom bagi kluster automatif di Pekan, Sunway bagi kluster perhotelan dan MRCB bagi kluster pembinaan," katanya.

Beliau berkata pembaharuan itu berupaya menggunakan sumber kerajaan dengan lebih efektif bagi penghasilan graduan TVET yang memenuhi keperluan industri dan kerjasama awam-swasta melalui pendekatan baharu sebegini akan terus diteroka untuk bidang atau perkhidmatan kerajaan yang lain.

Menurut Anwar bagi mengeratkan kerjasama industri berkaitan TVET, Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) turut diperkukuh dengan peruntukan RM50 juta untuk memanaft lebih 8,000 pelatih.

"Program *Academy in Factory* akan dilaksanakan untuk menyediakan peluang kepada lebih 50,000 pelatih menjalankan latihan sambil bekerja di kilang," katanya.

– BERNAMA

# BERNAMA

25 FEBRUARI 2023

**BERNAMAONLINE | KPT KAJI HASIL SISTEM ANJAL BELAJAR DARI RUMAH BANTU  
KURANGKAN PINJAMAN PELAJAR IPTA**

## KPT kaji sistem anjal belajar dari rumah bantu kurangkan pinjaman pelajar IPTA



Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

JOHOR BAHRU, 25 Feb (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang mengkaji untuk memperkenalkan sistem anjal pembelajaran dari rumah, bagi membantu mengurangkan pinjaman pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menterinya Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata inisiatif itu juga, dilihat dapat membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar.

"Kita sedang kaji untuk memperkenalkan sistem anjal, jadi pelajar boleh belajar di rumah beberapa semester dan kemudian sambung di universiti.

"Pelajar tidak perlu pinjam banyak duit, maknanya, belajar di rumah guna komputer, makan minum juga di rumah, jadi kurangkan kos sara hidup mereka," katanya pada sidang media selepas merasmikan Biasiswa Perpaduan My Binary, di sini hari ini.

Beliau berkata inisiatif pembelajaran dari rumah juga, mendapat permintaan daripada pelajar berikutan ia pernah dilakukan semasa negara dilanda COVID-19.

Mohamed Khaled berkata KPT juga, sedang mengkaji untuk mengurangkan tempoh pengajian program universiti daripada empat kepada tiga tahun.



25/02/2023 03:04 PM

Beliau berkata usaha itu juga dapat mampu mengurangkan bebanan pinjaman pelajar.

Selain itu katanya, KPT juga mengkaji bagi mewujudkan tabung endowmen Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dengan penyumbang mendapat pengecualian cukai.

Sementara itu, beliau berkata terdapat peningkatan peruntukan Belanjawan 2023 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, iaitu daripada RM14.5 bilion tahun lepas kepada RM15.3 bilion tahun ini.

Ahli Parlimen Kota Tinggi itu berkata ia sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan, dalam memperkasa pendidikan tinggi demi manfaat dan pembangunan masa hadapan negara.

Beliau berkata ini termasuk peruntukan sebanyak RM50 juta bagi penyelidikan rentas agens dan universiti, yang disifatkan sebagai penyelidikan bersifat nasional.

-- BERNAMA

# BERITA HARIAN

26 FEBRUARI 2023

BHONLINE | STRUKTUR SEMULA TVET ELAK PEMBAZIRAN SUMBER

## Sruktur semula TVET elak pembaziran sumber

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri - Februari 26, 2023 @ 8:14pm  
bhnews@bh.com.my





IPOH: Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) wajar distruktur semula supaya dilaksanakan lebih berfokus dan mengelak pembaziran sumber.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata sumber dari segi kewangan kerajaan, masa, dan tenaga akan dibazirkan jika graduan yang memiliki kemahiran tidak diperlukan oleh pihak industri, iaitu salah-padanan.

"Tenaga mahir yang kita hasilkan itu seharusnya dan sangat penting untuk diterima oleh industri dengan memastikan anak-anak yang kita latih di bawah program TVET mempunyai nilai pasaran yang tinggi," katanya selepas melawat Pusat Pembangunan Modal Insan Perak (PHCDC) di Meru Raya, di sini hari ini.

Sivakumar berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu institusi yang mengendalikan TVET, mengadakan kerjasama dengan pihak industri bagi mengenal pasti keperluan sebenar pasaran.

Beliau berkata, kerjasama itu bagi memastikan tenaga kerja yang dihasilkan dapat disalurkan terus kepada industri dengan harapan kebolehpasaran graduan TVET mencapai 100 peratus.

"Kerajaan berperanan menyediakan kemudahan prasarana selain tenaga pengajar, manakala pihak industri melengkapkan pengajaran melalui peralatan serta teknologi terkini.

"Konsep serampang dua mata sebegini dapat mengurangkan kos dan tanggungan kerajaan dan pada waktu sama tenaga kerja mahir yang benar-benar diperlukan oleh industri terbabit dapat dihasilkan.

"Perkembangan teknologi yang sentiasa berubah memerlukan kerajaan berbelanja besar. Program TVET yang ditawarkan itu juga menuntut agar peralatan dan kelengkapan mesti menuruti perkembangan teknologi semasa," katanya.

Sivakumar berkata, ketika ini terdapat kira-kira 1,200 institut di bawah 12 kementerian serta kendalian pihak swasta menawarkan program TVET.

# BERNAMA

27 FEBRUARI 2023

BERNAMAONLINE | TVET PERLU GABUNGAN ILMU KEUSAHAWANAN LAHIRKAN GENERASI MUDA PRODUKTIF

## TVET perlu gabungan ilmu keusahawanan lahirkan generasi muda produktif, berdikari



MELAKA, 27 Feb (Bernama) – Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara perlu menggabungkan elemen atau ilmu keusahawanan dalam usaha melahirkan generasi muda yang lebih produktif, berkemahiran tinggi serta mampu menjana pendapatan menerusi perusahan sendiri.

Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM) Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata pendekatan itu penting bagi membentuk keyakinan anak muda serta menjadikan mereka seorang yang berdikari dan tidak bergantung pada peluang pekerjaan dalam kerajaan.

"Kita perlu menyelamatkan anak-anak kita kerana sistem pendidikan kita sekarang ini 70 peratus berorientasikan akademik..belajar ilmu alam, sejarah dan sebagainya..bila keluar mesti hendak kerja dengan kerajaan.



27/02/2023 07:55 PM

Sebaliknya kita perlu menukar persepsi ini. Kita tahu kerajaan memberi fokus utama pada TVET, dan kita berharap TVET juga menerapkan atau menggabungkan ilmu keusahawanan dalam kurikulum pendidikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelepasan Lovebird di Taman Buaya dan Rekreasi Melaka (TBRM) di sini hari ini.

Beliau yang juga bekas Ketua Menteri Melaka berkata transformasi itu juga mampu mengurangkan kadar pengangguran negara selain melahirkan lebih ramai golongan usahawan di negara ini.

Dalam perkembangan lain, katanya kerajaan diminta membantu melahirkan lebih ramai usahawan kecil dan sederhana dalam kalangan rakyat negara ini khususnya golongan B40 sebagai usaha mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

Abdul Rahim berkata inisiatif itu mampu dilakukan dengan kerjasama daripada pelbagai agensi berkaitan keusahawanan untuk membimbing mereka yang ingin mengubah taraf hidup seterusnya memantau perkembangan golongan berkenaan sehingga mampu meningkatkan pendapatan.

– BERNAMA